

TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT
Kempen Umrah Bersama CIMB Islamic

1. **Kempen “Umrah Bersama CIMB Islamic” (“Kempen”)** adalah dianjurkan oleh CIMB Islamic Bank Berhad (671380-H) (“CIMB”).

Tempoh Kempen

2. Kempen akan berjalan dari **1^{hb} April 2019** hingga **30^{hb} Jun 2019**, termasuk kedua-dua tarikh (“**Tempoh Kempen**”).
3. Kempen ini boleh didapati di semua cawangan CIMB (“**Cawangan-Cawangan**”) di Malaysia. Cawangan-Cawangan CIMB terletak setempat dengan cawangan-cawangan CIMB Bank Berhad di seluruh negara.
4. CIMB menyimpan hak untuk menukar tempoh dan/atau tarikh-tarikh permulaan dan/atau penamatan Tempoh Kempen dengan memberi notis terdahulu empat belas (14) hari kalendar.

Kelayakan

5. Tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat di sini, Kempen adalah terbuka kepada semua pelanggan CIMB baru dan sedia ada yang merupakan (i) pemegang akaun mana-mana Akaun Penyertaan; (ii) pemegang akaun akaun Tabung Haji; **dan** (iii) pemegang kad Kad Debit CIMB (“**Pelanggan Layak**”).

“**Akaun Penyertaan**” hendaklah bermaksud Akaun Simpanan-i atau Akaun Semasa-i CIMB, tidak termasuk Akaun *Junior Savers-i*, Akaun Semasa Mata Wang Asing-i, Akaun *YOUth Savers-i* dan Akaun *Special Mudharabah Investment-i*.

6. Tertakluk kepada peruntukan Klausa 5 di atas, hanya pemegang akaun Akaun Penyertaan bersama yang pertama dinamakan, iaitu pemegang akaun utama akan layak untuk menyertai Kempen. Bagi tujuan Kempen ini, pemegang akaun bersama kedua tidak layak untuk menyertai Kempen ini.
7. Orang/ entiti yang berikut **TIDAK** akan layak untuk menyertai Kempen ini:
 - a) Pemilikan tunggal, Perkongsian, Organisasi/Persatuan Kebajikan/Bukan Untung, Syarikat Awam, Syarikat Sendirian Berhad, Kelab, Persatuan dan Koperasi; atau
 - b) Individu di bawah umur lapan belas (18) tahun; atau
 - c) Bukan warganegara Malaysia; atau
 - d) Kakitangan atau pekerja tetap dan/atau sambilan dan/atau kontrak CIMB (termasuk subsidiari-subsiari dan syarikat-syarikat berkenaannya) dan ahli-ahli keluarga terdekat mereka (iaitu pasangan, anak, ibu bapa dan adik-beradik).

Hadiah & Minggu Kempen

8. Hadiah berikut akan disediakan kepada pemenang terpilih Kempen ini:-

Jumlah Pemenang	Hadiah
13 pemenang mingguan (" Pemenang ")	Satu(1) Pakej Umrah bernilai RM20,000 bagi dua (2) orang dan boleh ditebus dari ejen pelancongan lantikan CIMB.

Nota: Ejen pelancongan lantikan CIMB akan dimaklumkan kepada Pemenang Kempen.

9. Pakej Umrah yang ditawarkan adalah merupakan perkhidmatan Umrah bagi dua (2) orang bernilai RM20,000.00 (*iaitu RM10,000.00 bagi setiap orang*) ("**Hadiah**"). Hadiah disediakan untuk Pemenang dan mana-mana satu (1) orang yang dijemput oleh Pemenang dan ia tidak boleh dipindah milik dan tidak boleh ditebus dengan wang tunai.
10. Setiap Pemenang layak memenangi maksimum satu (1) Hadiah sepanjang Tempoh Kempen.
11. Tiada bayaran balik akan diberikan sekiranya Pemenang tidak menggunakan jumlah keseluruhan Hadiah RM20,000.00. Sebarang kos dan perbelanjaan tambahan akan ditanggung sepenuhnya oleh Pemenang.
12. CIMB tidak mempunyai kawalan ke atas penerbangan dan/atau sebarang pengaturan pelancongan yang dibuat oleh ejen pelancongan lantikan CIMB dan oleh itu tidak bertanggungjawab untuk sebarang perubahan atau pembatalan sebarang penerbangan dan/atau pengaturan pelancongan.
13. Pemenang digalakkan untuk mendapatkan perlindungan takaful perjalanan yang mencukupi untuk melindungi diri mereka daripada apa-apa kerugian, kerosakan, kematian dan/atau kecederaan yang timbul daripada penggunaan Hadiah dan sumbangan perlindungan takaful perjalanan tersebut dan apa-apa kos dan perbelanjaan lain yang berbangkit daripadanya hendaklah ditanggung semata-mata dan sepenuhnya oleh Pemenang.
14. Hadiah di bawah Kempen ini sah selama satu (1) tahun dari tarikh penamatan Tempoh Kempen.
15. Jika berkenaan, Pemenang bertanggungjawab untuk kos dan perbelanjaannya sendiri dalam mendapatkan visa dan/atau permit Umrah yang diperlukan. CIMB tidak akan bertanggungjawab sama ada untuk mendapatkan visa dan/atau permit Umrah yang diperlukan bagi pihak Pemenang atau bertanggungjawab untuk memberi penggantian atau hadiah gantian sekiranya Pemenang gagal mendapatkan visa dan/atau permit Umrah yang diperlukan.
16. Tempoh Kempen untuk memenangi Hadiah dibahagikan kepada minggu berikut ("**Minggu Kempen**"):-

Minggu Kempen	Tempoh
Minggu 1	1 ^{hb} April – 7 ^{hb} April 2019
Minggu 2	8 ^{hb} April – 14 ^{hb} April 2019
Minggu 3	15 ^{hb} April – 21 ^{hb} April 2019
Minggu 4	22 ^{hb} April – 28 ^{hb} April 2019
Minggu 5	29 ^{hb} April – 5 ^{hb} Mei 2019
Minggu 6	6 ^{hb} Mei – 12 ^{hb} Mei 2019
Minggu 7	13 ^{hb} Mei – 19 ^{hb} Mei 2019
Minggu 8	20 ^{hb} Mei – 26 ^{hb} Mei 2019
Minggu 9	27 ^{hb} Mei – 2 ^{hb} Jun 2019
Minggu 10	3 ^{hb} Jun – 9 ^{hb} Jun 2019
Minggu 11	10 ^{hb} Jun – 16 ^{hb} Jun 2019
Minggu 12	17 ^{hb} Jun – 23 ^{hb} Jun 2019
Minggu 13	24 ^{hb} Jun – 30 ^{hb} Jun 2019

Kriteria Kelayakan

17. **Untuk menyertai Kempen ini, Pelanggan Layak dikehendaki memautkan Kad Debit CIMB beliau dengan akaun Tabung Haji beliau** melalui Terminal Perkhidmatan Diri CIMB (“SST”) dan mematuhi kriteria yang dinyatakan dalam Klausa 18 di sini.
18. Pelanggan Layak berhak memperoleh penyertaan layak beliau (seperti yang dinyatakan dalam Jadual 1 di sini) untuk memenangi Hadiah dengan memenuhi mana-mana kriteria berikut semasa Tempoh Kempen (“Kriteria Kelayakan”):
- Memaut Kad Debit CIMB dengan akaun Tabung Haji ; **ATAU**
 - Membuka mana-mana Akaun Penyertaan baru; **ATAU**
 - Melakukan sebarang transaksi kewangan layak (“Transaksi Kewangan Layak”) dengan perbelanjaan minimum sebanyak RM50; ATAU**
 - Melakukan transaksi kad debit layak (“Transaksi Kad Debit Layak”) dengan perbelanjaan minimum sebanyak RM50 dalam resit tunggal.**
19. Bagi tujuan Klausa 18(c), Transaksi Kewangan Layak hendaklah termasuk mana-mana transaksi berikut daripada Akaun Penyertaan dengan perbelanjaan minimum sebanyak RM50 yang dilakukan melalui (i) mana-mana SST CIMB; (ii) di kaunter (OTC) mana-mana Cawangan-Cawangan CIMB; atau (iii) laman web CIMB Clicks, aplikasi mudah alih CIMB Clicks dan/atau aplikasi mudah alih CIMB EVA:
- Interbank Giro Transfers (IBG) / Instant Fund Transfer (IBFT);*
 - Bayaran Bil, iaitu sebarang transaksi bayaran bil yang dibuat oleh Pelanggan Layak termasuk transaksi bayaran bil melalui JomPAY dan DuitNow. Sebarang pembayaran elektronik lain yang dilakukan melalui pilihan pembayaran dalam talian lain termasuk Gateway Pembayaran Dalam Talian FPX (“FPX Online Payment Gateway”) **tidak** akan dianggap sebagai Bayaran Bil di bawah Kempen ini;
 - Tambah nilai mudah alih prabayar / tambah nilai Touch 'n Go;
 - Bayaran Kad Kredit/ Bayaran pembiayaan (contohnya bayaran pembiayaan rumah, kenderaan atau peribadi); atau
 - Transaksi pemindahan dana dari Akaun Penyertaan ke akaun Tabung Haji atau sebaliknya melalui SST CIMB, tidak termasuk sebarang transaksi untuk pengeluaran tunai kepada dan/atau deposit tunai dari akaun Tabung Haji secara langsung.
- Apa-apa penentuan oleh CIMB berkenaan dengan apa yang merupakan Transaksi Kewangan Layak hendaklah menjadi konklusif dan tidak akan dicabar dengan apa jua cara melainkan jika ia kelihatan tidak adil atau tidak saksama.
20. Bagi tujuan Klausa 18(d), Transaksi Kad Debit Layak hendaklah bermaksud mana-mana transaksi pembelian tempatan dan luar negara yang didebitkan daripada Akaun Penyertaan dengan perbelanjaan minimum sebanyak RM50 dengan menggunakan Kad Debit CIMB bagi barangan dan perkhidmatan yang ditanggung untuk penggunaan peribadi dan tidak termasuk perkara berikut: -
- Transaksi Tunai *Quasi*– sebagai contoh: transaksi pertaruhan dan/atau perjudian;
 - Bayaran fi tahunan atau caj perkhidmatan, cukai kerajaan, caj penghantaran, bayaran tunai, fi penggantian kad, caj pertikaian, caj penipuan atau sebarang fi, caj atau penalti lain sama ada yang dikenakan oleh CIMB atau sebaliknya;

- iii) Pengeluaran, deposit atau pemindahan tunai; atau
- iv) Sebarang transaksi yang tidak diposkan, dibatalkan, tidak sah, dipertikaikan, dikembalikan, penipuan atau tidak diberi kuasa.

Apa-apa penentuan oleh CIMB berkenaan dengan apa yang merupakan Transaksi Kad Debit Layak hendaklah menjadi konklusif dan tidak akan dicabar dengan apa jua cara melainkan jika ia kelihatan tidak adil atau tidak saksama.

Jadual 1: Penyertaan

No.	Transaksi-Transaksi Layak Bagi Kriteria Kelayakan	Bil. Penyertaan
1	Setiap pembukaan Akaun Penyertaan baru.	50 penyertaan
2	Memaut Kad Debit CIMB dengan akaun Tabung Haji.	50 penyertaan
3	Setiap perlakuan Transaksi Kewangan Layak dengan perbelanjaan minimum sebanyak RM50.	10 penyertaan
4	Setiap perlakuan Transaksi Kad Debit Layak dengan perbelanjaan minimum sebanyak RM50 dalam resit tunggal.	10 penyertaan

21. Semua Transaksi Kewangan Layak dan Transaksi Kad Debit Layak mesti dilakukan melalui mana-mana Akaun Penyertaan Pelanggan Layak.
22. Bilangan penyertaan adalah dikira secara efektif dari Minggu Kempen berkenaan apabila Kad Debit CIMB dipautkan dengan akaun Tabung Haji Pelanggan Layak semasa Tempoh Kempen. Semua penyertaan yang diperolehi semasa Minggu Kempen hanya akan diambil kira semasa Minggu Kempen yang berkenaan dan tidak boleh dibawa ke Minggu Kempen seterusnya.
23. Bagi Pelanggan Layak dengan lebih daripada satu (1) Kad Debit CIMB, beliau dikehendaki untuk mengkaitkan mana-mana Kad Debit CIMB ke akaun Tabung Haji beliau dan semua transaksi (seperti yang ditakrifkan dalam Klausula 18 di atas) dari mana-mana Akaun Penyertaan akan layak untuk pengiraan penyertaan.

Ilustrasi

Senario 1	Transaksi	Penyertaan	Minggu Kempen
Pembukaan Akaun	15 ^{hb} Mac 2019 – Membuka suatu Akaun Simpanan-i CIMB baru	Tidak berkenaan	Tidak berkenaan
Transaksi dan Penyertaan yang berkenaan	1 ^{hb} April 2019 – Membelanja RM150 melalui Kad Debit CIMB	Tiada	Minggu 1
	2 ^{hb} April 2019 – Membelanja RM100 untuk tambah nilai mudah alih prabayar	Tiada	Minggu 1
	3 ^{hb} April 2019 – Bayaran pembiayaan untuk kereta	Tiada	Minggu 1
	8 ^{hb} April 2019 – Memaut Kad Debit CIMB dengan akaun Tabung Haji. Layak untuk menyertai Kempen	50	Minggu 2
	9 ^{hb} April 2019 – Membelanja RM220 melalui Kad Debit CIMB	40	Minggu 2
	10 ^{hb} April 2019 – Membelanja RM50 untuk tambah nilai Touch 'n Go	10	Minggu 2
Jumlah penyertaan layak		100	

Senario 2	Transaksi	Penyertaan	Minggu Kempen
Pembukaan Akaun	1 ^{hb} April 2019 – Membuka suatu Akaun Simpanan-i dan memaut Kad Debit CIMB dengan akaun Tabung Haji	100	Minggu 1
Transaksi dan Penyertaan yang berkenaan	2 ^{hb} April 2019 – Membelanja RM40 melalui Kad Debit CIMB	Tiada	Minggu 1
	3 ^{hb} April 2019 – Membelanja RM170 untuk tambah nilai mudah alih prabayar	30	Minggu 1
	4 ^{hb} April 2019 – Memindah RM50 dari akaun Tabung Haji ke Akaun Simpanan-i CIMB	10	Minggu 1
Jumlah penyertaan layak		140	

24. Pengesanan Transaksi Kewangan Layak dan Transaksi Kad Debit Layak adalah berdasarkan pada tarikh dan masa (Waktu Malaysia) transaksi seperti yang dirakam oleh rekod transaksi CIMB semasa Tempoh Kempen. Transaksi Kad Debit Layak mesti diposkan ke akaun Kad Debit Pelanggan Layak dalam tempoh tiga (3) hari selepas setiap Minggu Kempen.
25. Bagi mengelakkan keraguan, transaksi antarabangsa dalam mata wang asing akan ditukarkan kepada Ringgit Malaysia berdasarkan kadar pertukaran semasa CIMB.
26. CIMB tidak akan bertanggungjawab ke atas apa-apa kegagalan dan/atau kelewatan dalam penghantaran bukti mana-mana transaksi oleh VISA, Mastercard, tempat peniaga dan/atau mana-mana pihak lain.

Proses Pemilihan Pemenang

27. Tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat di sini, sistem automatik CIMB akan menjana pemenang berpotensi berdasarkan kelayakan (seperti yang ditakrifkan di bawah Klausa-Klausa 5, 6 dan 7 di atas) dan jumlah penyertaan yang diperolehi oleh Pelanggan Layak sepanjang setiap Minggu Kempen. Pemenang berpotensi akan dihubungi dalam enam (6) hingga lapan (8) minggu selepas setiap Minggu Kempen oleh wakil CIMB pada nombor mudah alih yang dikekalkan dalam rekod CIMB dan diperlukan untuk menjawab satu (1) soalan dengan betul sebelum diisytiharkan sebagai Pemenang. Sekiranya cubaan pertama untuk menghubungi pemenang berpotensi gagal, iaitu disebabkan oleh sebab-sebab seperti tidak menjawab, nombor mudah alih tidak ada dalam perkhidmatan, tidak ada talian atau apa-apa sebab lain, dua (2) cubaan lain akan dilakukan untuk menghubungi pemenang berpotensi tersebut. Sekiranya cubaan ketiga (ke-3) tidak berjaya, pemenang berpotensi tersebut akan dilucutkan kelayakan untuk memenangi Hadiah dan pemenang berpotensi lain akan dipilih.
28. CIMB mempunyai budi bicara tunggal untuk menetapkan hari bekerja (Isnin-Jumaat) dan masa (9 pagi-6 malam) yang ditetapkan untuk melakukan panggilan telefon kepada pemenang berpotensi. CIMB tidak akan dipertanggungjawabkan atas panggilan yang dilakukan ke atas pemenang berpotensi yang (i) tidak disempurnakan atau diputuskan disebabkan oleh apa jua sebab; atau (ii) tidak dijawab atau tidak diteruskan disebabkan oleh ketiadaan pemenang berpotensi pada tarikh dan masa yang ditetapkan dan/atau disebabkan oleh sebarang sebab lain. Ia adalah tanggungjawab Pelanggan Layak untuk memastikan bahawa nombor mudah alihnya yang disediakan adalah terkini dan dikemas kini dengan CIMB sekiranya terdapat sebarang perubahan yang dibuat oleh Pelanggan Layak. CIMB menyimpan hak untuk merakam perbualan telefon.

29. CIMB menyimpan hak untuk menerbitkan atau memaparkan nama, gambar dan bandar kediaman mana-mana Pemenang untuk tujuan pengiklanan dan publisiti dalam apa-apa cara yang dianggapnya sesuai. Dengan menyertai Kempen ini, Pemenang dengan ini memberi kebenaran dan bersetuju bahawa CIMB hendaklah bebas untuk menerbitkan dan/atau memaparkan bahan dan/atau maklumat, termasuk tetapi tidak terhad kepada nama, gambar dan bandar kediaman Pemenang tanpa pampasan bagi tujuan pengiklanan dan publisiti. Ketidakpatuhan boleh menyebabkan Pemenang alternatif dipilih.

Terma-Terma dan Syarat-Syarat Am

30. Dengan menyertai Kempen ini, Peserta Layak dianggap telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat oleh Terma-Terma dan Syarat-Syarat serta memberi kuasa kepada CIMB untuk memproses dan mendedahkan data peribadi mereka menurut Notis Privasi Kumpulan CIMB yang boleh didapati di www.cimbislamic.com.my dan bersetuju bahawa semua keputusan yang dilakukan secara adil dan munasabah oleh CIMB berkenaan dengan setiap aspek Kempen ini, termasuk Hadiah yang diberikan, hendaklah muktamad, terikat dan konklusif.
31. Akaun Penyertaan Pelanggan Layak (i) MESTI tidak memungkirinya mana-mana terma-terma dan syarat-syarat yang mengawal Akaun Penyertaan DAN (ii) MESTI tidak ditamatkan atau ditutup atau tertakluk kepada apa-apa penahanan, perintah bertentangan yang dilakukan oleh Mahkamah atau mana-mana pihak berkuasa yang dibenarkan oleh undang-undang, berdelinkuen, dan/atau tidak sah atau dibatalkan seperti yang ditentukan oleh CIMB semasa Tempoh Kempen dan/atau sebelum pengkreditan Hadiah, jika tidak Pelanggan Layak akan dilucutkan kelayakan daripada menyertai dalam Kempen ini dan/atau Hadiah akan dilucutkan.
32. CIMB menyimpan hak mengikut budi bicara tunggalnya untuk melucutkan kelayakan mana-mana Pelanggan Layak yang ia tentukan telah mengganggu proses penyertaan, atau bertindak memungkirinya atau berpotensi memungkirinya Terma-Terma dan Syarat-Syarat.
33. CIMB menyimpan hak untuk menggantikan Hadiah dengan item lain yang mempunyai kos setara dan/atau melanjutkan, memendekkan, memberhentikan, membatalkan, menamatkan atau menggantungkan Kempen ini dengan memberikan notis terdahulu empat belas (14) hari kalendar kepada Pelanggan Layak. Bagi mengelakkan keraguan, apa-apa pelanjutan, pemendekan, pemberhentian, pembatalan, penamatan atau penggantungkan Kempen ini oleh CIMB tidak akan melayakkan mana-mana Pelanggan Layak atau mana-mana orang lain jua kepada apa-apa tuntutan atau pampasan terhadap CIMB bagi apa-apa kerugian atau kehilangan yang dialami atau ditanggung oleh Pelanggan Layak akibat secara langsung atau tidak langsung oleh tindakan pelanjutan, pemendekan, pemberhentian, pembatalan, penamatan atau penggantungkan Kempen ini.
34. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan Layak dengan ini bersetuju bahawa CIMB tidak akan dalam apa jua cara bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan kepada Pelanggan Layak sekiranya CIMB tidak dapat melaksanakan secara keseluruhan atau sebahagian apa-apa kewajipannya di sini, yang boleh dikaitkan secara langsung atau tidak langsung kepada kegagalan mana-mana peranti mekanikal atau elektronik, sistem pemrosesan data, talian penghantaran, kegagalan elektrik, pertikaian industri, peperangan, mogok, rusuhan, apa-apa tindakan "*act of God*" di luar kawalan CIMB atau disebabkan oleh apa-apa faktor dalam sifat *force majeure* di luar kawalan munasabah CIMB.
35. CIMB menyimpan hak dengan memberikan notis terdahulu dua puluh satu (21) hari kalendar untuk meminda (sama ada dengan penambahan, pamadaman, pengubahsuaian, pindaan atau apa-apa jua) ("**Pindaan**") mana-mana Terma-Terma dan Syarat-Syarat di sini. Pemberitahuan kepada Pelanggan Layak berkenaan dengan Pindaan hendaklah dilaksanakan mengikut budi bicara mutlak CIMB melalui mana-mana satu kaedah komunikasi berikut, iaitu, melalui paparan komunikasi elektronik di laman web CIMB dan Cawangan-Cawangan CIMB atau kaunter Pertukaran Mata Wang CIMB di mana peruntukan terperinci berkenaan dengan Pindaan boleh diberikan dalam notis tersebut sendiri atau boleh diberikan kepada

Pelanggan Layak atas permintaan; atau melalui iklan mengenai Pindaan dalam satu surat khabar pilihan CIMB atau melalui apa-apa kaedah pemberitahuan lain yang boleh dipilih oleh CIMB dan Pindaan akan dianggap terikat ke atas Pelanggan Layak dari tarikh pemberitahuan Pindaan atau dari tarikh lain seperti yang boleh dinyatakan oleh CIMB dalam pemberitahuan. Pelanggan mengakui dan bersetuju untuk mengakses laman web CIMB Bank pada selang masa yang tetap untuk menyemak terma-terma dan syarat-syarat Kempen dan memastikan bahawa mereka sentiasa mengikuti apa-apa perubahan atau pindaan kepada terma-terma dan syarat-syarat ini.

36. Tiada pampasan dalam tunai atau apa jua jenis akan diberikan kepada Pelanggan Layak untuk sebarang kerugian atau kehilangan yang dialami atau ditanggung oleh Pelanggan Layak sebagai akibat langsung atau tidak langsung oleh Pindaan Terma-Terma dan Syarat-Syarat di sini.
37. Terma-Terma dan Syarat-Syarat (yang dipinda dari semasa ke semasa menurut Klausula 35) hendaklah mengatasi mana-mana peruntukan atau representasi yang terdapat dalam mana-mana bahan promosi lain yang mengiklankan Kempen ini. Terma-Terma dan Syarat-Syarat akan dibaca bersama dengan terma-terma dan syarat-syarat semasa yang terpakai ke atas Akaun Penyertaan yang kemudiannya digunapakai sebagai tambahan kepada Terma-Terma dan Syarat-Syarat di sini.
38. Terma-Terma dan Syarat-Syarat hendaklah tertakluk kepada pemakaian mana-mana undang-undang, garis panduan, arahan, notis, peraturan yang digubal dan/atau mana-mana undang-undang bertulis semasa lain atau yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia atau mana-mana badan lain yang mempunyai kuasa penyeliaan ke atas CIMB berkenaan dengan atau terpakai terhadap Kempen atau apa-apa perkara di sini.
39. Sekiranya terdapat sebarang ketidaksejajaran, percanggahan, kesamaran atau kepincangan di antara versi Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris Terma-Terma dan Syarat-Syarat di sini, versi Bahasa Inggeris Terma-Terma dan Syarat-Syarat akan mengatasi yang lain. Walau apapun yang dinyatakan di atas di mana permintaan telah dibuat oleh Pelanggan Layak dan dicatat dan diakui oleh CIMB dalam rekodnya bahawa versi Bahasa Malaysia Terma-Terma dan Syarat-Syarat telah dipilih oleh Pelanggan Layak untuk mengawal operasi Akaun Penyertaan Pelanggan Layak, maka versi Bahasa Malaysia Terma-Terma dan Syarat-Syarat akan mengatasi yang lain.
40. Bagi maklum balas dan/atau aduan berkenaan dengan Kempen ini, Pelanggan Layak boleh menghubungi Unit Resolusi Pelanggan CIMB yang mempunyai alamat, nombor-nombor telefon dan faksimile yang berikut (atau mempunyai alamat, nombor-nombor telefon dan faksimile lain sepertimana yang boleh ditukarkan oleh CIMB melalui pemberitahuan kepada Pelanggan Layak): Unit Resolusi Pelanggan, P.O. Box 10338, GPO Kuala Lumpur, 50710 Kuala Lumpur / Tel: +603 6204 7788 / CRU@cimb.com.